

## Analisis Kualitatif Komparatif Varian Dialek Melayu Jugra

Norfaiza Ab Hamid<sup>1\*</sup>, Ernawita Atan<sup>2</sup> dan Wan Robiah Meor Osman<sup>1</sup>

<sup>1</sup>*Pusat Kajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia*

<sup>2</sup>*Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia*

### ABSTRAK

Kajian dialektal Melayu yang tergolong dalam bangsa Austronesia terus mendapat sambutan untuk dibincangkan oleh para ilmuwan bahasa. Hal ini turut diteruskan dalam kajian dialektal dengan meneliti keakraban atau kekerabatan atau genealogi dialek yang berasal daripada sesuatu bahasa. Oleh itu, kajian varian dialek Melayu Jugra (DMJ) Selangor yang menggunakan analisis kualitatif komparatif ini diketengahkan untuk meneruskan kesinambungan kajian dialektal ini. Oleh itu, makalah ini tuntasnya ingin melihat sebahagian aspek fonologi dan rekonstruksi dalam dengan melihat kekerabatan varian semasa dengan bahasa induknya iaitu Bahasa Melayik Purba (BMP). Justeru, objektif kajian ini ialah membandingkan konsonan dan separuh vokal antara BMP dengan DMJ dan membincang inovasi ataupun retensi yang berlaku dalam DMJ. Pendekatan yang diguna pakai bagi menjawab objektif kajian ini ialah pendekatan perbandingan tradisional dan reka bentuk kajian perbandingan kualitatif. Hasil perbandingan memperlihatkan 13 ciri inovasi fonologi ataupun perselisihan fonetik (teratur dan sporadik) dan retensi yang diturunkan dalam DMJ dalam varian semasa iaitu varian Bandar (VBNDR), Kelanang (VKLNG) dan Permatang Pasir (VPP). Hasil persamaan dan perbezaan yang wujud antara kawasan terutamanya ini dapat mengukuhkan lagi hujah yang menyokong bahawa DMJ adalah daripada kelompok BMP. Justeru, penyelidikan ini secara tidak langsung membantu menambah dan memperlihatkan keterikatan

jalinan kesinambungan kajian linguistik bandingan terhadap dialek Melayu yang berada di bawah rumpun Austronesia melalui maklumat retensi yang diperoleh dalam DMJ daripada BMP. Sehubungan itu, DMJ perlu dipelihara dan dibukukan agar warisan negeri Selangor tidak hilang ditelan arus zaman.

### ARTICLE INFO

*Article history:*

Received: 29 March 2024

Accepted: 22 October 2024

Published: 27 March 2025

DOI: <https://doi.org/10.47836/pjssh.33.1.10>

*E-mail addresses:*

norfaizilaabhamid@ukm.edu.my (Norfaiza Ab Hamid)  
erna@upm.edu.my (Ernawita Atan)  
mowrobiah@ukm.edu.my (Wan Robiah Meor Osman)

\* Corresponding author

*Kata kunci:* Fonologi, inovasi, konsonan, pendekatan perbandingan, tradisional

## ***Comparative Qualitative Analysis of Jugra Malay Dialect Variants***

### ***ABSTRACT***

*The study of Malay dialects belonging to the Austronesian race continues to be welcomed and discussed by linguists. This is also continued in dialectal studies by examining the closeness or kinship or genealogy of dialects originating from a language. Therefore, the study of Jugra Malay dialect variants (DMJ) of Selangor using this comparative qualitative analysis is highlighted to continue this dialectal study. Therefore, this paper ultimately wants to look at some aspects of phonology and internal reconstruction by looking at the kinship of the current variant with its parent language, which is Bahasa Melayik Purba (BMP). Therefore, the objective of this study is to compare consonants and semi-vowels between BMP and DMJ and discuss innovation or retention that occurs in DMJ. The approach used to answer the objectives of this study is the traditional comparative approach and qualitative comparative study design. The results of the comparison show 13 features of phonological innovation or phonetic disagreement (regular and sporadic) and retention revealed in the DMJ in the current variant, namely the Bandar (VBNDR), Kelanang (VKLNG) and Permatang Pasir (VPP) variants. The results of the similarities and differences that exist between these areas can further strengthen the argument that DMJ is from the BMP group. Thus, this research indirectly helps to add and show the interweaving of the continuity of comparative linguistic studies on the Malay dialects under the Austronesian cluster through the retention of information obtained in the DMJ from the BMP. Accordingly, DMJ needs to be preserved and recorded so that the heritage of the state of Selangor is not lost to the tide of time.*

**Keywords:** Comparative approach, consonant, innovation, phonology, traditional

---

### **PENGENALAN**

Kajian dialek-tal ialah penyelidikan tentang hubungan, kekerabatan ataupun sejarah dialek yang berbeza yang berasal daripada bahasa yang sama. Dialek Melayu Semenanjung Malaysia telah dibahagikan kepada tujuh kumpulan dialek oleh Omar (1993). Pembahagian dialek yang dibuat oleh Omar (1993) ini sudah tentulah berdasarkan perbandingan aspek-aspek fonologi. Dialek-dialek tersebut merangkumi dialek yang letaknya di barat laut yang meliputi kawasan Perlis, Kedah (termasuk Langkawi), Pulau Pinang dan Perak Utara sehingga Taiping dan dikenali umum sebagai dialek utara atau

dialek Kedah. Kedua, dialek Perak yang meliputi kawasan Perak Tengah. Ketiga, dialek selatan yang meliputi Perak Selatan, Selangor, Melaka dan Johor. Keempat, dialek Kelantan yang kawasannya ialah keseluruhan negeri Kelantan dan juga termasuk kawasan-kawasan sempadan Pahang dan Terengganu. Kelima, dialek Terengganu yang terletak di bahagian timur Semenanjung. Keenam, dialek Pahang yang terdapat di negeri Pahang dan yang terakhir ialah dialek Negeri Sembilan yang dituturkan secara meluas di negeri Sembilan. Secara amnya, sesetengah pendapat (Bellwood, 1985; Dyen, 1965;

Kern, 1889), mendakwa orang Melayik (istilah Melayik diperkenalkan oleh Hudson [1970] bermaksud bahasa yang memiliki kesamaan ciri dengan bahasa Melayu—fonologi dan nahu. Justeru, semua bahasa di Borneo adalah dalam kelompok Melayik), asalnya dari Taiwan, China ataupun wilayah Nusantara. Tatacara kualitatif, yang biasanya disebut sebagai kaedah perbandingan tradisional (Collins, 1997), sebenarnya telah berakar sejak ilmu ini mula bangkit ke permukaan mandala akademik dunia pada pertengahan abad ke-19 lagi. Pengoperasian tatacara ini adalah dengan membandingkan ciri linguistik, misalnya fonologi ataupun morfologi bahasa serumpun. Serentak dengan itu, dibina pula perangkat kesepadan (korespondensi) bunyi bagi membolehkan penentuan bentuk-bentuk bahasa purba dilakukan. Lalu daripada perbandingan ciri linguistik tersebut dicarikan ciri pengekalan (retensi) dan perubahan (inovasi) yang terjadi. Ciri ini dapat mengukur hubungan dekat-jauh ataupun pengelasan antara bahasa yang dibandingkan (dapat dilihat dalam kajian yang telah dilaksanakan oleh Hamid et al. (2012), Aman et al. (2015), dan Ab Hamid et al. (2017, 2022). Disebabkan perbandingan ciri linguistik ini, ciri retensi (pengekalan) dan inovasi (perubahan) dikenal pasti (Ringe & Eska, 2013). Ciri-ciri ini dapat digunakan untuk menggambarkan hubungan jauh dekat ataupun pengelasan antara bahasa yang dibandingkan. Oleh itu, dalam makalah ini dengan adanya varian semasa dialek Melayu Jugra (DMJ) dalam Bahasa Melayik Purba (BMP) telah mendorong

pengkaji untuk melakukan perbandingan tahap rendah (*lower level reconstruction*), iaitu perbandingan yang tidak melibatkan rumpun bahasa Melayu dengan rumpun bahasa lain di dunia. Perbandingan ini hanya melibatkan dialek yang serumpun dengan bahasa Melayu. Berdasarkan pernyataan tersebut, pengkaji membuat kesimpulan bahawa terdapat banyak dialek Melayu yang belum dikaji sepenuhnya. Oleh itu, dialek Melayu Jugra yang berada di bawah pentadbiran negeri Selangor menjadi tumpuan kajian ini kerana Jugra merupakan tamadun awal perkembangan Melayu negeri Selangor.<sup>1</sup>

### **Permasalahan Kajian**

Mengumpul bahan terhadap kajian lepas merupakan salah satu cara memulakan sesebuah kajian. Justeru, dalam makalah ini, hanya tujuh buah penulisan bidang linguistik yang melibatkan pengkajian tentang dialek Jugra telah dilakukan oleh pengkaji terhadap kajian perpustakaan. Antara penulisan lepas yang telah dirujuk ialah Omar (1991), Collins (1996) dan Chelaeh et al. (2017) dan Ab Hamid (2018, 2019a, 2019b, 2020). Kajian yang ingin diketengahkan dalam dialek Selangor oleh Omar (1993) adalah untuk melihat secara langsung ciri leksikal sepunya dan ciri tersendiri leksikal yang diwakili dalam kawasan kajian tersebut. Perkara yang ingin diketengahkan di sini ialah usaha pengelompokan yang dibuat oleh Omar dibuat melalui kaedah kualitatif. Kaedah ini dilakukan berdasarkan perbandingan antardialek untuk mengesan dan perbezaan

dialektal. Mana-mana dialek yang memperlihatkan persamaan ciri linguistik akan dikelompokkan dalam kumpulan yang sama. Sebaliknya, jika ada perbezaan, maka dialek itu berada dalam kelompok yang berbeza. Hal ini bermakna, darjah perbezaan ataupun persamaan itu lazimnya bergantung kepada lokasi keberadaan dialek-dialek berkenaan.

Seterusnya, dalam kajian beliau itu juga memuatkan perbandingan antara subdialek Selangor Barat, subdialek Kuala Lumpur dengan dialek Minang (Min) yang melibatkan sistem vokal dan sistem konsonan. Masalahnya di sini, Omar tidak menyebut lokasi khusus yang menjadi tempat kajiannya. Bukan itu sahaja, malah Omar hanya melakukan pengelompokan secara umum sahaja sedangkan Omar sendiri menyebut dalam buku tersebut bahawa kajian dialek bagi negeri Selangor adalah rumit berbanding dengan kajian dialek di negeri-negeri lain. Hal ini disebabkan negeri Selangor merupakan tempat pertembungan penutur daripada pelbagai lapisan masyarakat dan mewakili pelbagai kawasan dialek lain (Omar, 1991). Jadi, pemerian Omar mestilah dalam skala yang lebih jitu. Tidak dinafikan Omar ada memerlukan aspek fonologi dalam dialek Selangor, namun beliau tidak mengupas dengan lebih terperinci tentang sistem fonologi seperti pendeskripsian fonem inventori yang terdapat dalam dialek Selangor serta proses fonologinya. Yang beliau hanya lakukan ialah melakukan perbandingan dengan subdialek lain untuk membuktikan sama ada dialek Selangor mempunyai ciri khusus ataupun tidak.

Didapati juga Omar (1991) tidak menyatakan metodologi dan kaedah pengumpulan data kajiannya. Beliau tidak memberi penjelasan kawasan mana yang diambil sebagai lokasi kajian dan tidak membahagiakan dialek Selangor kepada variannya.

Sementara itu, Collins (1996) turut membuat penelitian dialek di Selangor, iaitu tinjauan di Jugra dengan mengenal pasti ciri-ciri tatabunyi di kawasan itu. Kajian Collins ini berbeza dengan kajian Omar kerana Collins menyatakan lokasi yang ingin dikaji berbanding dengan kajian Omar (1991). Lokasi kajian yang disebutkan oleh Collins dalam kajian beliau itu ialah Kelanang, Permatang Buah, Pulau Nyatuh di Mukim Kelanang serta Kampung Air Tawar, Katung, Gelanggang Buaya, Sungai Buaya Ujung, Sungai Arak, Bandar dan Sungai Ingat di Mukim Bandar. Bagaimanapun, kajian ini hanya memberi penekanan pada bunyi vokal dan konsonan akhir kata sahaja. Hasilnya, kajian Collins menemukan bahawa terdapat tujuh fonem vokal dalam dialek Jugra, iaitu /i/, /e/, /ɛ/, /ə/, /a/, /o/, dan /u/. Manakala, dapatan kajian tentang aspek bunyi konsonan, hanya terdapat tiga perkara sahaja yang ditekankan, iaitu /a/ dan alofonnya, perselisihan bentuk hentian akhir kata dan /s/ di akhir kata.

Collins (1996) turut membincangkan kaitan bentuk fonetik ini dengan sejarah penyebaran bahasa Melayu. Beliau juga mengakui bahawa informan yang dipilih hanyalah informan berketurunan Melayu sahaja, biarpun di Jugra ramai yang berketurunan Jawa. Selain itu, seperti juga kajian Omar, Collins juga tidak

memperincikan secara menyeluruh tentang dialek Melayu Jugra, misalnya pemerian aspek fonologi seperti inventori vokal, diftong, konsonan serta proses fonologinya. Collins juga tidak menyatakan varian-varian yang terdapat di Jugra secara terperinci. Jika diteliti penulisan-penulisan Collins sebelum-sebelum ini tentang dialek-dialek Melayu yang ada di Semenanjung Malaysia memang pemerianya secara umum sahaja.

Dapatlah disimpulkan bahawa kajian yang dikemukakan oleh Omar (1991) dan Collins (1996) tentang dialek Selangor begitu terhad. Aspek fonologi yang dikaji dalam dialek Melayu Selangor tidak diteroka secara menyeluruh. Kedua-duanya hanya menyenaraikan leksikal yang mengalami perubahan dalam fonologi. Penekanan Omar (1991) berkenaan pembahagian kelompok antara subdialek Selangor dengan subdialek Kuala Lumpur dan dialek Minang. Sementara Collins (1996) pula hanya menyatakan fonem apa yang berubah dan muncul dalam ragam Jugra. Kedua-dua kajian tidak membincangkan tentang ciri-ciri fonetik, proses-proses fonologi seperti pengguguran, peleburan, perubahan bunyi pada konsonan dan vokal dan rumus yang berlaku dalam dialek tersebut dengan jelas.

Sementara itu, kajian yang dilakukan oleh sekumpulan ahli penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia yang diketuai oleh Chelaeh et al. (2017) membawa sinar baharu daripada dua kajian sebelum ini. Kajian mereka dilihat lebih berpada kerana mereka membuat pendeskripsian fonologi atau variasi-variasi Jugra, mendeskripsikan inventori yang terdapat dalam dialek Jugra,

dan membincangkan proses fonologi yang wujud dalam variasi-variasi Jugra dengan terperinci. Yang menarik perhatian pengkaji juga dalam kajian mereka ini, ialah mereka ingin membuktikan sama ada kajian Omar ataupun Collins yang benar kerana Collins menemukan frikatif velar /ɣ/ dalam dialek Selangor yang menggantikan getaran getaran alveolar /r/ pada posisi awal kata dan tengah kata. Sebaliknya, dalam kajian Omar, beliau tidak membincangkan langsung mengenai fonem ini dan dalam data beliau, fonem /r/ ini dikenalkan. Oleh itu, dapatkan kajian yang ingin dibuktikan oleh pasukan penyelidik yang diketuai oleh Chelaeh ini mendapati bahawa sememangnya kajian oleh Collins (1996) itu benar dan mereka membuat kesimpulan bahawa dialek Jugra tidak mempunyai fonem /r/ dan inilah yang dikatakan ciri unik bagi ragam kawasan ini. Sementara itu, fonem /a/ digunakan secara meluas dalam dialek dialek Melayu Jugra ini.

Bagaimanapun, pada hemat pengkaji, ada kelompangan yang wujud daripada kajian Omar (1991), Collins (1996) dan Chelaeh et al. (2017), iaitu pengelompokan varian perlu dilandaskan kepada sebuah metodologi yang kukuh dan menyakinkan. Sehubungan dengan itulah diperlukan disiplin linguistik perbandingan sejarawi yang bermatlamat untuk merekonstruksi induk varian-varian tersebut. Hasil rekonstruksi itu akan menyingkapi tabir ciri inovasi dan retensi (Campbell, 2004; Collins, 1989; Fox, 1995; Mahsun, 1995). Dengannya pasti akan memungkinkan sebuah pengelompokan varian yang benar-benar kukuh.

Manakala, kajian Ab Hamid (2018, 2019a, 2019b, 2020) pula hanya melihat analisis fonologi yang melibatkan aspek inventori fonem dalam dialek Melayu Jugra di varian Bandar Permatang Pasir, Kelanang, dan Jugra tanpa melibatkan ilmu perbandingan. Melihat kepada kajian lepas, sangat jelas kekurangannya jika timbang taranya adalah daripada aspek ilmu bandingan tersebut. Pengelompokan yang dilakukan tidak didasarkan kepada ciri inovasi ataupun ciri retensi. Sebaliknya, perkara itu hanya disandarkan melalui kaedah perbandingan antardialek, yakni dengan hanya membandingkan fonem sesebuah varian dengan varian yang lain untuk mengesan ciri persamaan dan perbezaan (Ab Hamid et al., 2017). Jika wujud persamaan, maka varian tersebut akan digolongkan dalam satu kelompok yang sama. Sebaliknya, jika terdapat perbezaan, maka varian yang memperlihatkan ciri itu tidak termasuk dalam kelompok yang memiliki persamaan itu tadi.

Kenyataan ini bukan bermakna pengkaji ingin meminggirkan kaedah perbandingan antardialek di suatu sudut yang terpencil. Kaedah ini juga penting untuk menguji teori persebaran dialek Melayu. Harus jelas bahawa salah satu matlamat disiplin linguistik perbandingan sejarawi adalah untuk mengelompokan atau mengklasifikasikan bahasa ataupun dialek. Ini juga bererti untuk melihat kekerabatan antara bahasa dengan dialek. Melalui kaedah rekonstruksi dan klasifikasi akan dikesani evolusi kesejarahan sesuatu bahasa ataupun dialek tersebut. Justeru, menerapkan disiplin

linguistik perbandingan sejarawi berupaya mengatasi kekangan kajian lepas (Ab Hamid et al., 2017).

Tujuh kajian terdahulu mengenai dialek Jugra telah dirujuk dalam kajian ini untuk mencari dan mengkaji kelemahan yang harus ditambah baik bagi menghasilkan kajian baharu yang lebih saintifik. Penemuan kajian terdahulu terhadap bahasa yang dikaji juga memberikan gambaran awal kepada pengkaji untuk menjalankan kajian yang baharu. Tidak keterlaluan untuk dikatakan di sini yang hasil penulisan ini adalah sebagai kajian perintis dalam bidang fonologi dan ilmu perbandingan DMJ.

Justeru, berdasarkan cerakinan kajian lampau tersebut membolehkan pengkaji membuat satu rumusan untuk dijadikan panduan bagi kajian yang dijalankan ini. Terdapat banyak isu yang muncul hasil daripada perbincangan ringkas mengenai kajian terdahulu. Antaranya ialah berkaitan jumlah inventori fonem yang telah dibahaskan dalam ketujuh-tujuh kajian yang dirujuk. Sehubungan itu, kajian lepas juga tidak pernah menyentuh soal perbandingan varian semasa dengan bentuk purbanya. Walau bagaimanapun, isu ini tidak menunjukkan bahawa kajian sebelumnya tidak tepat ataupun berkualiti; sebaliknya, ia menunjukkan bahawa kajian terhadap DMJ memerlukan kajian yang lebih teliti lagi. Namun begitu, dalam makalah ini, disimpulkan bahawa kajian utama kajian ini ialah (data dan kajian yang telah diperoleh oleh dalam kajian pengkaji terhadap inventori semasa (Ab Hamid, 2018, 2019a, 2019b, 2020), memastikan inventori

yang sebenarnya bernuansa dalam varian semasa DMJ dibandingkan dengan bahasa Melayu Purba (BMP) bagi mengetahui ciri retensi dan inovasi yang wujud dalam DMJ. Hal ini bersesuaian dengan objektif yang diketengahkan dalam kajian. Susunan bahasa Melayik Purba (Adelaar, 1985) ialah asas dalam perbincangan ini. Aspek yang diteliti berhubung Melayik Purba ialah fonologi, khususnya konsonan yang terdapat dalam varian semasa DMJ. DMJ yang dimaksudkan ini tersebar luas di pelbagai kawasan, dan ia pastinya melampaui batas geografi setempat Selangor. Kajian ini hanya memfokuskan kepada enam varian berdasarkan mukim dan tiga mukim memperlihatkan kelainan yang dianggap dapat mewakili keseluruhan varian DMJ.

Kajian ini menggunakan pendekatan linguistik perbandingan kualitatif, iaitu dengan peristilahan yang diberikan oleh Collins (1997) ialah linguistik perbandingan tradisional. Justifikasi penggunaan pendekatan perbandingan linguistik kualitatif adalah untuk mengekalkan matlamat pengkaji pada permulaan bahagian ini bagi membandingkan dengan lebih baik varian DMJ semasa dengan BMP. Wajaran ini dilakukan kerana tiada pengkaji terdahulu yang menggunakan pendekatan ini dalam mengkaji DMJ dan secara tidak langsung akan membantu menghasilkan sumbangan dapatan yang baharu.

### **Objektif Kajian**

Kajian perbandingan DMJ dengan BMP dilaksanakan oleh pengkaji kerana belum ada kajian terdahulu yang menggunakan

perbandingan kualitatif dalam setiap penelitian kajian DMJ yang dilakukan. Sekiranya ada pendekatan yang telah dijalankan, kajian tersebut menyentuh aspek lain dan hasilnya masih dilihat lompong. Ekoran daripada beberapa permasalahan dan persoalan dalam kajian lepas, pada asasnya objektif kajian ialah (1) membandingkan penyebaran konsonan dan separuh vokal BMP dengan varian DMJ dan (2) membincangkan inovasi dan retensi bersama dalam ragam DMJ.

### **METODOLOGI**

Kajian tentang perbandingan DMJ dengan BMP menggunakan reka bentuk kualitatif dan berdasarkan kepada dua kaedah iaitu kepustakaan dan lapangan. Kaedah kepustakaan merupakan kaedah yang digunakan oleh seseorang pengkaji untuk mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod (Bakar, 1991). Kajian kepustakaan dilakukan untuk mendapatkan maklumat penting tentang masyarakat Jugra dan Selangor. Sebelum pengkaji pergi ke lapangan, maklumat tentang latar belakang masyarakat (lokasi, jumlah penduduk, penutur natif, kegiatan ekonomi dan lain-lain) ini adalah penting kerana ia boleh memberikan maklumat awal berkaitan kehidupan masyarakat tersebut. Selain itu, kaedah kepustakaan membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat penting mengenai kajian terdahulu tentang subjek yang sedang dikaji. Maklumat tentang penyelidikan terdahulu dapat membantu pengkaji daripada menjalankan penyelidikan yang sama. Sebanyak tujuh

kajian (Ab Hamid, 2018, 2019a, 2019b, 2020; Chelaeh et al., 2017; Collins, 1996; Omar, 1991) sebelumnya telah dirujuk untuk mendapatkan pemahaman awal tentang kajian penyelidik terhadap DMJ sebelumnya. Oleh itu, kajian perpustakaan juga dijalankan untuk menghasilkan garis panduan untuk pendekatan perbandingan bahasa. Selain perpustakaan, sumber awal turut diperoleh di Pejabat Daerah Jugra.

Berikutnya ialah kaedah kelapangan. Kerja lapangan ini adalah penting untuk pengkaji mendapatkan data dan maklumat yang boleh dipercayai bagi mencapai objektif kajian. Kajian ini dijalankan pada 17 hingga 24 Mac 2018. Kaedah lapangan ini melibatkan teknik pemilihan senarai kata/ soal selidik, pemilihan kawasan dan batasan kajian, pemilihan informan, pengumpulan dan penyebaran data.

Senarai kata swadesh yang telah disesuaikan dengan masyarakat yang dikaji digunakan sebagai soal selidik dalam kajian ini dan turut digunakan dalam kajian Hasrah et al. (2010), Kaharuddin dan Aman (2011), Ab Hamid (2014, 2019a, 2019b, 2020), Ab Hamid dan Aman (2016), dan Ab Hamid et al. (2017, 2018, 2022).

Senarai kata ini terdiri daripada 400 perkataan asas yang digunakan dalam DMJ yang terdiri daripada dua belas domain makna (1) tubuh badan, (2) alat pertanian, (3) kata kerja, (4) makanan, (5) alat rumah, (6) waktu dan cuaca, (7) nama dan ganti nama, (8) kata ukuran, (9) binatang, (10) pakaian, (11) persaudaraan dan (12) kata bilangan. Pengkaji mengumpul dan menguji sendiri senarai kata ini di enam buah kampung: Kampung Kelanang

(VKLNG), Bandar (VBNDR), Permatang Pasir (VPP), Ayer Tawa, Sungai Buaya, dan Sungai Ingat. Walau bagaimanapun, selepas data dibersihkan, pengkaji menemui hanya tiga varian yang berbeza yang menunjukkan perbezaan antara satu sama lain, iaitu varian Kelanang (VKLNG), varian Bandar (VBNDR), dan varian Permatang Pasir (VPP). Bagi melaksanakan kerja perbandingan memadai 100 hingga 200 (Adelaar, 1985) dijadikan maklumat data untuk dianalisis. Oleh itu, untuk melaksanakan kerja perbandingan DMJ dengan BMP, sebanyak 186 kosa kata telah diambil dan dijadikan sebagai contoh data yang dianalisis. Data yang digunakan dalam kajian ini dapat dianggap sebagai data primer.

Bertepatan dengan tajuk penyelidikan, kawasan kajian meliputi batasan geografi setempat. Oleh itu, kawasan kajian yang dipilih adalah di mana dialek Melayu digunakan di Jugra. Pengkaji memilih kawasan kajian ini kerana percaya bahawa terdapat puluhan varian DMJ (andaian awal pengkaji sebelum bertemu informan). Walau bagaimanapun, selepas seminggu berada di kawasan lapangan, didapati bahawa terdapat beberapa puluhan kampung yang mencakupi DMJ ini, tetapi pengkaji hanya melihat tiga mukim yang mewakili sebahagian besar DMJ yang terdapat di kawasan tersebut. Pemilihan kawasan kajian turut dibantu oleh informan dan ketua kampung di sini. Data yang diambil dan dijadikan asas kajian ini ialah Varian Kelanang (VKLNG), varian Bandar (VBNDR), dan varian Permatang Pasir (VPP). Hasil temu bual selama seminggu menunjukkan bahawa bahasa informan agak

berbeza antara satu sama lain dalam tiga varian ini. Selain itu, faktor geografi yang memisahkan kawasan ini turut memainkan peranan dalam penentuan kawasan kajian (Ab Hamid, 2018, 2019a, 2019b, 2020).

Dalam kajian dialek dan linguistik bandingan, pemilihan informan merupakan kriteria yang penting untuk menunjukkan kejituhan data yang dipungut. Informan berdasarkan jantina, umur, dan pendidikan telah dijadikan kayu ukur dalam pemilihan informan. Oleh itu, pengkaji telah memilih informan lelaki dan perempuan. Pewajaran memilih kedua-dua informan ini dibuat berdasarkan pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji yang mendapati percakapan informan lelaki dan perempuan dapat mewakili percakapan kawasan kajian. Daripada tiga kawasan kajian yang pengkaji kumpulkan data ini, pengkaji telah memilih informan lelaki dan wanita di varian Kelanang (VKLNG), varian Bandar (VBNDR), dan varian Permatang Pasir (VPP). Dari segi umur pula, informan pengkaji terdiri daripada golongan tua yang baik dan sempurna alat artikulasinya. Pengkaji mengambil informan yang berumur 50 tahun hingga 77 tahun. Seterusnya, dalam kajian ini pengkaji memilih informan yang tidak mempunyai pendidikan formal. Enam orang informan sebenarnya tidak mempunyai pendidikan formal. Mereka bekerja sebagai nelayan, ketua kampung dan suri rumah tangga.

Dalam kajian ini, senarai 400 perkataan telah diambil daripada senarai Aman (1997), dalam kajiannya yang bertajuk *Perbandingan fonologi dan morfologi bahasa Iban, Kantuk, dan Mualang*. Walaupun senarai

kata ini pada asasnya diambil daripada senarai kata tersebut, namun dalam kajian ini, senarai kata tersebut telah diubah suai supaya bersesuaian dengan masyarakat yang dikaji. Bagi tujuan perbandingan, 200 daftar kata BMP daripada Adelaar (1985) digunakan. Teknik temu bual, penceritaan, rakaman dan pemerhatian juga digunakan untuk mengumpul data. Data diperoleh melalui penggunaan bahasa secara lisan.

Pengkaji menggunakan teknik temu bual untuk menjalankan kajian ini. Senarai kata yang disediakan oleh pengkaji dikaitkan dengan soalan yang ditanya kepada informan. Sepanjang temu bual, pengkaji telah menggunakan pelbagai teknik dan gaya untuk memulakan temu bual. Pengkaji bertanya, “Mak cik, ini panggil apa?” sebagai salah satu cara untuk mengajukan soalan yang berkaitan dengan anggota badan, seperti perkataan “hidung” sambil menunjukkan hidung.

Selain itu, pengkaji meminta informan menceritakan asal-usul kawasan yang didiami. Sebagai contoh, informan di ketiga-tiga kawasan kajian menceritakan bahawa penduduk awal kawasan kajian dan sejarahnya. Teknik ini diguna pakai bagi mendapat maklumat tambahan selain data linguistik dan salah satu cara untuk mengelak informan merasa bosan. Jika informan kelihatan letih, pengkaji memberi mereka minuman untuk berehat. Selepas masa berehat selama lapan hingga dua belas minit, pengkaji mengembalikan informan ke topik asalnya dengan menanyakan soalan yang berkaitan dengan senarai kata. Sesi soal jawab ini berlangsung selama dua hingga tiga jam.

Pengkaji juga menggunakan teknik rakaman dengan menggunakan pita rakaman untuk menemu bual informan di setiap lokasi kajian. Sebelum memulakan sesi soal jawab untuk mengumpulkan data kajian, pengkaji telah meminta izin secara lisan dan memaklumkan kepada informan bahawa perbualan ini akan dirakam menggunakan pita rakaman. Apabila pihak informan bersetuju perbualan ini dirakam, pita rakaman diletakkan berhampiran pengkaji dan informan.

Untuk kajian, teknik rakaman adalah yang terbaik. Hal ini kerana maklumat yang diperoleh melalui teknik ini akan dapat disimpan untuk masa yang lebih lama untuk digunakan sebagai rujukan. Setiap perbualan informan dan soalan yang diajukan dirakam secara sedar dalam kajian ini. Selepas itu, setiap rakaman perbualan yang berkaitan dengan data kajian ini ditranskripsikan dalam bentuk fonetik. Lambang fonetik antarabangsa (IPA) digunakan untuk transkripsi data. Sepanjang temu bual dengan informan, teknik transkripsi digunakan semasa mencatat hasil data yang diperoleh di lapangan. Pengkaji turut menggunakan teknik pemerhatian ikut serta untuk melengkapkan data. Teknik ini digunakan oleh pengkaji untuk memastikan apa yang diujarkan oleh informan mengenai data yang dibincangkan adalah betul dengan melihat sendiri ujaran yang keluar daripada mulut informan. Pengkaji turut serta dalam perbualan dan menulis sedikit tentang perkara yang berkaitan dengan tajuk kajian. Pengkaji mencatat dan bertanya kembali kepada informan sekiranya mendengar perkataan yang kurang jelas. Memandangkan

percakapan adalah alamiah dan spontan, teknik ini sesuai untuk digunakan.

Seterusnya, kaedah pemaparan (data yang dianalisis dipaparkan serta dibandingkan dalam bentuk jadual terhadap ciri linguistik yang berlaku dan diuraikan berdasarkan sumber data yang diperoleh di lapangan) dan analisis data (dibincangkan berdasarkan tatacara yang terdapat dalam perbandingan rekonstruksi dalaman dan menggunakan peristilahan yang terdapat dalam bidang linguistik bandingan serta membincangkan hasil penemuan) turut digunakan. Kajian ini menggunakan pendekatan ilmu perbandingan bahasa (diperkenalkan oleh seorang hakim kolonial, William Jones yang tiba di Culcatta pada tahun 1783 serta berusaha untuk mempelajari bahasa Sanskerta untuk mengetahui sistem undang-undang di India. Melalui proses belajar itu, Jones mulai sedar adanya hubungan erat antara Sanskerta, Latin dengan Yunani. Sebelumnya telah mengarang buku *Grammar of the Persian language* pada tahun 1771). Dengan wawasan itu, Jones mencetuskan permulaan ilmu linguistik moden-pidato disampaikan kepada anggota Persatuan Asia Diraja Bengala 1786, berjudul ‘The Third Anniversary Discourse.’ Esei inilah yang mengasaskan ilmu linguistik sejarawi dan pengkajian bahasa Keluarga Indo-Eropah (Jones, 1990). Manakala, William Morris Wade pula memperkenalkan pendekatan rekonstruksi dalaman pada tahun 1960-an (Campbell, 2001, 2004). Pendekatan rekonstruksi dalaman yang telah dimanfaatkan oleh Adelaar (1985), Crowley (1992), Campbell (2001, 2004), Collins (1986, 1989), dan Aman (2008) telah digunakan untuk mencapai semua objektif kajian.

Kajian ini melihat ciri retensi dan inovasi DMJ daripada BMP dengan menggunakan susunan bahasa Melayik Purba (BMP) yang dibangunkan oleh Adelaar (1985) sebagai asas perbandingan. Adelaar merekonstruksikan BMP pada tahun 1985. Oleh itu, susunan bahasa Melayik Purba ini digunakan sebagai asas untuk membandingkan varian DMJ bagi mencapai objektif kajian. BMP digunakan kerana BMP ialah bahasa Melayu yang lebih tua hasil daripada rekonstruksi dalam yang telah dilakukan oleh Adelaar (1985). Oleh itu, bolehlah dikatakan bahawa BMP menyebabkan variasi yang berlaku dalam dialek Melayu lain.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

### Perbandingan Fonem Bahasa Melayik Purba dengan Dialek Melayu Jugra

Bahagian ini adalah untuk membandingkan BMP dengan DMJ, yang dibatasi oleh elemen perubahan fonem dan fonotaktik untuk mencari elemen kedinamikan dan

ketahanan bahasa. Ini memenuhi tuntutan sebenar ahli linguistik bandingan. Kajian ini tidak akan membincangkan perbandingan leksikal dan maklumat klasifikasi kerana kajian ini terhad dalam tempoh setahun. Perbincangan bermula dengan:

- (1) membandingkan penyebaran konsonan dan separuh vokal BMP dengan varian DMJ dan
- (2) membincang status retensi bersama dan inovasi dalam ragam DMJ.

### Perbandingan Fonem Konsonan BMP dengan DMJ

Konsonan BMP yang dikemukakan oleh Adelaar (1985) dipaparkan sebelum membandingkan BMP dengan DMJ. Jadual 1 berikut menunjukkan rupa bentuk konsonan BMP.

#### BMP \*p

Konsonan plosif BMP \*p diturunkan secara teratur di setiap posisi kata dalam semua varian. Perbandingan penyebaran konsonan

Jadual 1

Inventori konsonan BMP

Cara Sebutan	Daerah Sebutan	Dua-Bibir	Gigi-Gusi	Lelangit Keras	Lelangit Lembut	Pita Suara
Letupan/	Tbs	*p	*t		*k	*?
Plosif	Bs	*b	*d		*g	
Afrikat/	Tbs			*tʃ		
Afrikat	Bs			*dʒ		
Frikatif/	Tbs		*s			*h
Frikatif	Bs				*χ	
Sengau/	Tbs			*n	*ŋ	
Nasal	Bs	*m				
Sision/Lateral	Bs		*l			
Separuh Vokal	Tbs				*j	
	Bs	*w				

Sumber: Adelaar (1985)

BMP \**p* > [p] DMJ ditunjukkan dalam Jadual 2.

BMP \*pindik ‘pendek’ > VKLNG, VBNDR dan VPP pende?;  
 BMP \*pandʒaj ‘panjang’ > VKLNG, VBNDR dan VPP pandʒaj;  
 BMP \*panas ‘panas’ > VKLNG, VBNDR dan VPP panas;  
 BMP \*pəgaŋ ‘pegang’ > VKLNG, VBNDR dan VPP pəgaŋ;  
 BMP \*əmpat ‘empat’ > VKLNG, VBNDR dan VPP əmpat;  
 BMP \*apa ‘apa’ > VKLNG, VBNDR dan VPP apə;  
 BMP \*siapa ‘siapa’ > VKLNG dan VPP sapə; VBNDR siapə;  
 BMP \*sajap ‘sayap’ > VKLNG, VBNDR dan VPP sajap;  
 BMP \*asəp ‘asap’ > VKLNG, VBNDR dan VPP asap.

Jadual 2

*Perbandingan sebaran konsonan plosif BMP \*p > [p] dan DMJ*

Posisi BMP/DMJ	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata
BMP	[*p-]	[*-p-]	[*-p]
VKLNG	[p-]	[-p-]	[-p]
VBNDR	[p-]	[-p-]	[-p]
VPP	[p-]	[-p-]	[-p]

### BMP \*t

Pada semua kedudukan, setiap varian DMJ mengekalkan konsonan plosif BMP \**t* secara teratur. Sumber data yang diperoleh di lapangan dan Jadual 3 menunjukkan perbandingan sebaran plosif BMP \**t* > [t] DMJ seperti berikut:

BMP \*tulan ‘tulang’ > VKLNG, VBNDR, dan VPP tulaj;

BMP \*tajan ‘tangan’ > VKLNG ləjan; VBNDR dan VPP tajan;  
 BMP \*dataj ‘datang’ > VKLNG, VBNDR, VPP dataj;  
 BMP \*kita? ‘kita’ > VKLNG, VBNDR, VPP kitə;  
 BMP \*kulit ‘kulit’ > VKLNG, VBNDR dan VPP kulet;  
 BMP \*yambut ‘rambut’ > VKLNG dan VBNDR; VPP yambut.

Jadual 3

*Perbandingan sebaran konsonan plosif BMP \*t > [t] dan DMJ*

Posisi BMP/DMJ	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata
BMP	[*t-]	[*-t-]	[*-t]
VKLNG	[t-]	[-t-]	[-t]
VBNDR	[t-]	[-t-]	[-t]
VPP	[t-]	[-t-]	[-t]

### BMP \*k

Semua varian DMJ mengekalkan konsonan plosif BMP \**k* dengan teratur pada kedua-dua posisi awal dan tengah. Namun begitu, sesetengah data yang ditemui, contohnya data yang menunjukkan pada posisi akhir kata BMP \**k*, didapati telah berlakunya inovasi secara teratur dalam semua varian apabila \*-k > [-?]. Sumber data berikut dan Jadual 4 menunjukkan bandingan sebaran konsonan plosif BMP \**k* > [k] atau [?] dalam varian DMJ.

BMP \*kunit ‘kuning’ > VKLNG, VBNDR dan VPP kunij;  
 BMP \*kita? ‘kita’ > VKLNG, VBNDR dan VPP kitə;  
 BMP \*akay ‘akar’ > VKLNG, VBNDR dan VPP aka;

BMP \*bakay ‘bakar’> VKLNG bako;  
 VBNDR baka; VPP bakaw;  
 BMP \*baik ‘baik’>VKLNG, VBNDR  
 dan VPP bajə?;  
 BMP \*pindik ‘pendek’ >VKLNG,  
 VBNDR dan VPP pende?.

Jadual 4

*Perbandingan sebaran konsonan plosif BMP \*k > [k] dalam DMJ*

Posisi BMP/DMJ	Awal Kata	Tengah Kata	Ahir Kata
BMP	[*k-]	[*-k-]	[*-k]
VKLNG	[k-]	[-k-]	*-k > [-?]
VBNDR	[k-]	[-k-]	*-k > [-?]
VPP	[k-]	[-k-]	*-k > [-?]

### BMP \*?

Konsonan plosif BMP \*? di posisi akhir kata diturunkan secara langsung dalam perkataan tertentu dalam setiap varian DMJ. Namun, ada contoh sumber data memperlihatkan di posisi akhir kata BMP\*? menunjukkan telah berlakunya inovasi sporadik kepada semua varian ketika \*-?> [-ø] dalam semua varian. Contoh data yang diperoleh adalah seperti berikut:

BMP \*timba? ‘menembak’ > VKLNG  
 dan VBNDR temba?; VPP mənemba?;  
 BMP \*dua? ‘dua’> VKLNG, VBNDR  
 dan VPP duə;  
 BMP \*kita? ‘kita’> VKLNG, VBNDR  
 dan VPP kitə;  
 BMP \*kamu? ‘kamu’ > VKLNG,  
 VBNDR dan VPP kamu;  
 BMP \*mana? ‘mana’ > VKLNG,  
 VBNDR dan VPP manə;  
 BMP \*ini? ‘ini’ > VKLNG, VBNDR  
 dan VPP ini.

Jadual 5 menunjukkan perbandingan sebaran plosif BMP \*?> [?], atau [ø] dalam varian DMJ.

Jadual 5

*Perbandingan sebaran konsonan plosif BMP \*?> [?] dan DMJ*

Posisi BMP/DMJ	Awal Kata	Tengah Kata	Ahir Kata
BMP	-	-	[*-?]
VKLNG	-	-	*-?> [-?] atau [-ø]
VBNDR	-	-	*-?> [-?] atau [-ø]
VPP	-	-	*-?> [-?] atau [-ø]

### BMP \*b

Kesemua varian DMJ menunjukkan turunan konsonan plosif BMP \*b secara langsung di posisi awal kata. Namun begitu, dalam sesetengah data BMP -\*b telah mengalami perubahan secara sporadik pada posisi tengah kata dalam perkataan tertentu dengan berubah menjadi [-w], manakala dalam data lain ia kekal [-b-]. Contoh data dan Jadual 6 menunjukkan perbandingan sebaran plosif BMP \*b > [b], atau [w] dalam semua varian DMJ.

BMP \*bəlah ‘belah’ > VKLNG,  
 VBNDR, VPP bəlah;  
 BMP \*bəlakaj ‘belakang’ > VKLNG,  
 VBNDR, VPP blakaj;  
 BMP \*babah ‘bawah’ > VKLNG, VPP  
 dan VBNDR bawah;  
 BMP \*yambut ‘rambut’ > VKLNG dan  
 VBNDR rambut; VPP yambut;  
 BMP \*timba? ‘menembak’ > VKLNG  
 dan VBNDR temba; VPP mənemba?.

**Jadual 6**

*Perbandingan sebaran konsonan plosif BMP \*b > [b] dan DMJ*

Posisi BMP/DMJ	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata
BMP	[*b-]	[*-b-]	-
VKLNG	[b-]	*-b-> [-b-] atau [-w-]	-
VBNDR	[b-]	*-b-> [-b-] atau [-w-]	-
VPP	[b-]	*-b-> [-b-] atau [-w-]	-

**BMP \*d**

BMP \*d turun secara langsung di posisi tengah kata dalam semua varian. Dalam sesetengah data yang ditemui didapati BMP\*d berubah secara sporadik dalam semua varian menjadi [l] pada posisi awal kata dalam perkataan tertentu. Berikut ialah contoh data, dan Jadual 7 menunjukkan perbandingan penyebaran konsonan plosif BMP \*d > [d], atau [l] dalam varian DMJ.

BMP \*di ‘di’ > VKLNG, VBNDR dan VPP di;

BMP \*dilah ‘lidah’ > VKLNG, VBNDR dan VPP lidah;

BMP \*dəkət ‘dekat’ > VKLNG, VBNDR dan VPP dəkat;

**Jadual 7**

*Perbandingan sebaran konsonan plosif BMP \*d > [d] dan DMJ*

Posisi BMP/DMJ	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata
BMP	[*d-]	[*-d-]	-
VKLNG	*d-> [d-] atau [l-]	[-d-]	-
VBNDR	*d-> [d-] atau [l-]	[-d-]	-
VPP	*d-> [d-] atau [l-]	[-d-]	-

BMP \*hidup ‘hidup’ > VKLNG dan VBNDR hidup; VPP idup.

**BMP \*g**

BMP \*g diturunkan secara teratur di kedua-dua posisi awal dan tengah kata dalam semua varian. Perbandingan penyebaran konsonan BMP \*g > [g] dalam varian DMJ ditunjukkan dalam Jadual 8 dan contoh data adalah seperti berikut:

BMP \*gigi ‘gigi’ > VKLNG, VBNDR, VPP gigi;

BMP \*gigit ‘gigit’ > VKLNG dan VPP gigit; VBNDR giget.

BMP \*pəgəj ‘pegang’ > VKLNG, VBNDR, VPP pəgəj.

BMP \*dagiŋ ‘daging’ > VKLNG, VBNDR, VPP dagiŋ.

**Jadual 8**

*Perbandingan sebaran konsonan plosif BMP \*g > [g] dan DMJ*

Posisi BMP/DMJ	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata
BMP	[*g-]	[*-g-]	-
VKLNG	[g-]	[-g-]	-
VBNDR	[g-]	[-g-]	-
VPP	[g-]	[-g-]	-

**BMP \* tʃ**

BMP \* tʃ menurunkan secara langsung di kedua-dua posisi awal dan tengah kata dalam semua varian. Jadual 9 menunjukkan perbandingan penyebaran plosif BMP \* tʃ > [tʃ] dalam varian DMJ.

BMP \*tʃium ‘cium’ > VKLNG dan VBNDR tʃium; VPP tʃium;

BMP \*kətʃɪl ‘kecil’ > VKLNG, VBNDR dan VPP kətʃɪl;

Jadual 9

*Perbandingan sebaran konsonan afrikat BMP \*tʃ> [tʃ] dan DMJ*

Posisi BMP/DMJ	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata
BMP	[*tʃ-]	[*-tʃ-]	-
VKLNG	[tʃ-]	[-tʃ-]	-
VBNDR	[tʃ-]	[-tʃ-]	-
VPP	[tʃ-]	[-tʃ-]	-

### BMP \*dʒ

BMP \*dʒ menurunkan secara langsung di kedua-dua posisi awal dan tengah kata dalam semua varian. Sumber data berikut dan Jadual 10 menunjukkan perbandingan penyebaran afrikat BMP \*dʒ> [dʒ] dalam varian DMJ.

BMP \*dʒatuh ‘jatuh’> VKLNG dʒatuh; VBNDR dan VPP dʒatoh;  
 BMP \*dʒalan ‘jalan’ > VKLNG, VBNDR dan VPP dʒalan;  
 BMP \*hidʒaw ‘hijau’ > VKLNG dan VPP idʒaw; VBNDR hidʒaw;

Jadual 10

*Perbandingan sebaran konsonan afrikat BMP \*dʒ> [dʒ] dan DMJ*

Posisi BMP/DMJ	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata
BMP	[*dʒ-]	[*-dʒ-]	-
VKLNG	[dʒ-]	[-dʒ-]	-
VBNDR	[dʒ-]	[-dʒ-]	-
VPP	[dʒ-]	[-dʒ-]	-

### BMP \*s

BMP\*s menurunkan secara langsung dan teratur di semua posisi kata dalam semua varian. Perbandingan sebaran frikatif BMP \*s > [s] dalam varian DMJ ditunjukkan dalam Jadual 11 dan contoh data adalah seperti berikut:

BMP \*sakit ‘sakit’ > VKLNG sakit; VBNDR dan VPP saket;  
 BMP \*sajap ‘sayap’ > VKLNG, VBNDR dan VPP sajap;  
 BMP \*masak ‘masak’ > VKLNG, VBNDR dan VPP masa?;  
 BMP \*busuk ‘busuk’ > VKLNG, VBNDR dan VPP busu?;  
 BMP \*tikus ‘tikus’ > VKLNG, VBNDR dan VPP tikus;  
 BMP \*panas ‘panas’ > VKLNG, VBNDR dan VPP panas.

Jadual 11

*Perbandingan sebaran konsonan frikatif BMP \*s> [s] dan DMJ*

Posisi BMP/DMJ	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata
BMP	[*s-]	[*-s-]	[*-s]
VKLNG	[s-]	[-s-]	[-s]
VBNDR	[s-]	[-s-]	[-s]
VPP	[s-]	[-s-]	[-s]

### BMP \*h

BMP \*h turun secara teratur di awal, tengah dan akhir kata dalam semua varian. Namun, apabila BMP \*h > ø di awal kata, sesetengah data memperlihatkan semua varian melalui perubahan sporadik pada posisi ini. Contoh data dan Jadual 12 menunjukkan perbandingan sebaran frikatif BMP \*h > [h] atau [ø] dalam varian DMJ.

BMP \*hutan ‘hutan’ > VKLNG dan VBNDR utan; VPP ḥtan;  
 BMP \*hidup ‘hidup’ > VKLNG dan VBNDR hidup, VPP idup;  
 BMP \*habu ‘bahu’ > VKLNG, VBNDR dan VPP abu;

BMP \*hitəm ‘hitam’ > VKLNG dan VPP itam; VBNDR hitam;  
 BMP \*hati ‘hati’ > VKLNG ati; VBNDR dan VPP hati;  
 BMP \*dʒahət ‘jahat’ > VKLNG, VBNDR dan VPP džahat;  
 BMP \*dahan ‘dahan’ > VKLNG, VBNDR dan VPP dahan;  
 BMP \*babah ‘bawah’ > VKLNG, VBNDR dan VPP bawah.

Jadual 12  
*Perbandingan sebaran konsonan frikatif BMP \*h> [h] dan DMJ*

<b>Posisi BMP/DMJ</b>	<b>Awal Kata</b>	<b>Tengah Kata</b>	<b>Akhir Kata</b>
BMP	[*h-]	[*-h-]	[*-h]
VKLNG	[*h-] > [h-] atau [ø-]	[-h-]	[-h]
VBNDR	[*h-] > [h-] atau [ø-]	[-h-]	[-h]
VPP	[*h-] > [h-] atau [ø-]	[-h-]	[-h]

### BMP \*y

BMP \*y diturunkan secara langsung pada setiap posisi kata dalam VPP. Namun begitu, sesetengah data memperlihatkan posisi awal kata, BMP \*y melalui inovasi secara langsung dan teratur menjadi [r] untuk VKLNG dan VBNDR, menjadi inovasi secara sporadik dalam VPP menjadi [r] atau [y]. Pada posisi tengah kata pula, BMP \*y diturunkan secara langsung dalam varian VKLNG dan VPP. Sementara itu, inovasi secara sporadik untuk sebahagian data yang ditemui di posisi tengah kata turut berubah menjadi [-r-] dan [-y-], dalam VKLNG dan inovasi secara teratur menjadi [-r-] dalam VBNDR. Di akhir kata pula, BMP

\*y menurunkan secara terus dalam semua varian, tetapi mengalami inovasi secara sporadik dalam VKLNG dan VBNDR ini menjadi [r] ataupun [ø] dalam sesetengah kata. Seterusnya bagi VKLNG pula, pada posisi akhir kata inovasi secara sporadik berlaku apabila BMP \*y menjadi [-r], [-w] ataupun [-ø]. Contoh data yang diperoleh adalah seperti berikut:

BMP \*yambut ‘rambut’ > VKLNG dan VBNDR rambut; VPP yambut;  
 BMP \*yumput ‘rumput’ > VKLNG, VBNDR dan VPP rumput;  
 BMP \*təybaŋ ‘terbang’ > VKLNG dan VBNDR tərbəŋ; VPP təybaŋ;  
 BMP \*bəyat ‘berat’ > VKLNG dan VPP bəyat; VBNDR bərat;  
 BMP \*hayi ‘hari’ > VKLNG dan VPP hayi; VBNDR hari;  
 BMP \*miyah ‘merah’ > VKLNG dan VBNDR merah; VPP meyah;  
 BMP \*diyi ‘diri’ > VKLNG dan VPP diyi; VBNDR bədiri;  
 BMP \*gayut ‘garu’ > VKLNG dan VBNDR garu; VPP gayu;  
 BMP \*buyunj ‘burung’ > VKLNG burunj VBNDR buronj; VPP buyoŋ;  
 BMP \*təluy ‘telur’ > VKLNG təlo; VBNDR dan VPP təlo;  
 BMP \*kəyəbaw ‘kerbau’ > VKLNG dan VBNDR; VPP kəyəbaw;  
 BMP \*lihey ‘leher’ > VKLNG dan VPP leher; VBNDR lehe;  
 BMP \*tiduy ‘tidur’ > VKLNG, VBNDR dan VPP tido;  
 BMP \*ikuŋ ‘ekor’ > VKLNG ekor; VBNDR dan VPP eko;  
 BMP \*uləy ‘ular’ > VKLNG dan VBNDR ula; VPP ulaw;

BMP \*pasiy ‘pasir’ > VKLNG, VBNDR dan VPP pase;  
 BMP \*aiy ‘air’ > VKLNG, VBNDR dan VPP aje;  
 BMP \*bakay ‘bakar’ > VKLNG bako; VBNDR baka; VPP bakaw;  
 BMP \*bəsay ‘besar’ > VKLNG dan VPP bəso; VBNDR bəsa;  
 BMP \*libay ‘lebar’ > VKLNG lebo; VBNDR lebar; VPP lebaw.

Jadual 13 menunjukkan perbandingan sebaran frikitif BMP \*y> [ɣ], [r], [w] atau [ø] untuk varian DMJ.

Jadual 13

*Perbandingan sebaran konsonan frikitif lelangit lembut BMP \*y> [ɣ] dan DMJ*

Posisi BMP/DMJ	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata
BMP	[*y-]	[*-y-]	[*-y]
VKLNG	[r-]	[*-y-] > [-y-] atau [r-]	[*-y] > [-r] atau [-ø]
VBNDR	[r-]	[r-]	[*-y] > [-r] atau [-ø]
VPP	[*y-] > [y-] atau [r-]	[y-]	[*-y] > [-r], [-w] atau [-ø]

### BMP \*m

BMP \*m menurunkan secara langsung dan teratur pada semua posisi kata dalam semua varian DMJ. Contoh data dan Jadual 14 menunjukkan perbandingan penyebaran konsonan BMP \*m > [m] dalam varian DMJ.

BMP \*muntah ‘muntah’ > VKLNG, VBNDR dan VPP muntah;  
 BMP \*makan ‘makan’ > VKLNG, VBNDR dan VPP makan;

BMP \*səmpit ‘sempit’ > VKLNG sempit; VBNDR dan VPP səmpet;  
 BMP \*yumput ‘rumput’ > VKLNG, VBNDR dan VPP rumput;  
 BMP \*daləm ‘dalam’ > VKLNG, VBNDR dan VPP dalam;  
 BMP \*maləm ‘malam’ > VKLNG, VBNDR dan VPP malam.

Jadual 14

*Perbandingan sebaran konsonan nasal BMP \*m> [m] dan DMJ*

Posisi BMP/DMJ	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata
BMP	[*m-]	[*-m-]	[*-m]
VKLNG	[m-]	[-m-]	[-m]
VBNDR	[m-]	[-m-]	[-m]
VPP	[m-]	[-m-]	[-m]

### BMP \*n

BMP \*n menurunkan secara langsung dan teratur untuk semua varian di awal, tengah dan akhir perkataan. Namun, dalam sesetengah sumber data mengalami inovasi secara sporadik dalam VKLNG dan VBNDR pada posisi awal menjadi [-t] dan berubah menjadi [ŋ-] pada posisi akhir kata untuk semua varian sedangkan data yang lain kekal [n-]. Contoh data serta Jadual 15 memaparkan perbandingan sebaran nasal BMP \*n> [n], [t] atau [ŋ] untuk varian DMJ.

BMP \*naik ‘naik’ > VKLNG, VBNDR dan VPP nai?;  
 BMP \*nipis ‘nipis’ > VKLNG tipes, VBNDR tipis; VPP nipes;  
 BMP \*anak ‘anak’ > VKLNG, VBNDR dan VPP ana?;  
 BMP \*bunuh ‘bunuh’ > VKLNG, VBNDR dan VPP bunuh;

BMP \*dʒalan ‘dʒalan’ > VKLNG, VBNDR dan VPP dʒalan;  
 BMP \*tulan ‘tulang’ > VKLNG, VBNDR dan VPP tulaj;  
 BMP \*makan ‘makan’ > VKLNG, VBNDR dan VPP makan;  
 BMP \*awan ‘awan’ > VKLNG, VBNDR dan VPP awan.

### **BMP \*ŋ**

Semua varian DMJ menurunkan BMP \*ŋ di awal dan tengah kata. Sumber data dan perbandingan sebaran nasal BMP \*ŋ> [ŋ] dalam varian DMJ adalah seperti berikut dan dalam Jadual 16.

BMP \*namuk ‘nyamuk’ > VKLNG, VBNDR dan VPP namo?;  
 BMP \*kunyah ‘kunyah’ > VKLNG, VBNDR dan VPP kunyah.

### **BMP \*ŋ**

BMP \*ŋ diturunkan di tengah dan akhir kata untuk semua varian DMJ. Contoh data dan perbandingan sebaran nasal BMP \*ŋ> [ŋ] dalam varian DMJ ditunjukkan dalam Jadual 17.

BMP \*laŋit ‘langit’ > VKLNG dan VBNDR laŋit; VPP laŋet;  
 BMP \*aŋin ‘angin’ > VKLNG, VBNDR dan VPP aŋin;  
 BMP \*dataŋ ‘datang’ > VKLNG, VBNDR dan VPP dataŋ;  
 BMP \*bəlakaj ‘belakang’ > VKLNG, VBNDR dan VPP blakaj.

### **BMP \*l**

BMP \*l menurunkan secara langsung dan teratur pada semua posisi kata dalam semua varian DMJ. Sumber data adalah seperti

Jadual 15

Perbandingan sebaran konsonan nasal BMP \*n&gt; [n] dan DMJ

<b>Posisi BMP/DMJ</b>	<b>Awal</b>		<b>Tengah</b>		<b>Akhir</b>	
	<b>Kata</b>	<b>Kata</b>	<b>Kata</b>	<b>Kata</b>	<b>Kata</b>	<b>Kata</b>
BMP	[*n-]		[*-n-]		[*-n]	
VKLNG	[*n-] > [n-] atau [t-]		[n-]		[*n] > [n] atau [-ŋ]	
VBNDR	[*n-] > [n-] atau [t-]		[n-]		[*n] > [n] atau [-ŋ]	
VPP	[*n-] > [n-]		[n-]		[*n] > [n] atau [-ŋ]	

Jadual 16

Perbandingan sebaran konsonan nasal BMP \*ŋ&gt; [ŋ] dan DMJ

<b>Posisi BMP/DMJ</b>	<b>Awal Kata</b>	<b>Tengah Kata</b>	<b>Akhir Kata</b>
BMP	[*ŋ-]	[*-ŋ-]	-
VKLNG	[ŋ-]	[ŋ-]	-
VBNDR	[ŋ-]	[ŋ-]	-
VPP	[ŋ-]	[ŋ-]	-

Jadual 17

Perbandingan sebaran konsonan nasal BMP \*ŋ&gt; [ŋ] dan DMJ

<b>Posisi BMP/DMJ</b>	<b>Awal Kata</b>	<b>Tengah Kata</b>	<b>Akhir Kata</b>
BMP	-	[*-ŋ-]	[*-ŋ]
VKLNG	-	[ŋ-]	[ŋ]
VBNDR	-	[ŋ-]	[ŋ]
VPP	-	[ŋ-]	[ŋ]

berikut dan perbandingan penyebaran konsonan BMP \*l > [l] dalam varian DMJ dipaparkan dalam Jadual 18. Fenomena turunan ini dilihat persamaannya dengan dialek Melayu Tioman Aur Pemanggil (DMTAP).

- BMP \*laki ‘laki’ > VKLNG, VBNDR dan VPP laki;
- BMP \*lihey ‘leher’ > VKLNG dan VPP leher; VBNDR lehe;
- BMP \*kulit ‘kulit’ > VKLNG, VBNDR dan VPP kulet;
- BMP \*tulan ‘tulang’ > VKLNG, VBNDR dan VPP tulanj;
- BMP \*pukul ‘pukul’ > VKLNG bantaj; VBNDR dan VPP pukul;
- BMP \*tumpul ‘tumpul’ > VKLNG tumpol; VBNDR tumpul; VPP tumpol (Ab Hamid et al., 2017, p. 238).

Jadual 18

*Perbandingan sebaran konsonan lateral BMP \*l > [l] dan DMJ*

Posisi BMP/DMJ	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata
BMP	[*l-]	[*-l-]	[*-l]
VKLNG	[l-]	[-l-]	[-l]
VBNDR	[l-]	[-l-]	[-l]
VPP	[l-]	[-l-]	[-l]

### BMP \*w

Dalam semua varian DMJ, BMP \*w diturunkan secara teratur di tengah dan akhir kata. Sumber data serta perbandingan penyebaran konsonan BMP \*w > [w] dalam varian DMJ dipaparkan dalam Jadual 19. Fenomena turunan ini dilihat

persamaannya dengan dialek Melayu Tioman Aur Pemanggil.

- BMP \*tawa? ‘tertawa’ > VKLNG dan VPP tawə; VBNDR tərtawa;
- BMP \*awan ‘awan’ > VKLNG, VBNDR dan VPP awan;
- BMP \*hidʒaw ‘hijau’ > VKLNG dan VPP V idʒaw; BNDR hidʒaw
- BMP \*kəyəbaw ‘kerbau’ > VKLNG dan VBNDR; VPP kəyəbaw (Ab Hamid et al., 2017, p. 238).

Jadual 19

*Perbandingan sebaran konsonan separuh vokal BMP \*w > [w] dan DMJ*

Posisi BMP/DMJ	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata
BMP	-	[*-w-]	[*-w]
VKLNG	-	[-w-]	[-w]
VBNDR	-	[-w-]	[-w]
VPP	-	[-w-]	[-w]

### BMP \*j

Dalam semua varian DMJ, BMP \*j diturunkan secara teratur di tengah dan akhir kata. Sumber data adalah seperti beikut serta perbandingan penyebaran separuh vokal BMP \*j > [j] dalam varian DMJ dipaparkan dalam Jadual 20. Fenomena turunan ini dilihat persamaannya dengan dialek Melayu Tioman Aur Pemanggil.

- BMP \*kaju? ‘kayu’ > VKLNG, VBNDR dan VPP kaju;
- BMP \*sajap ‘sayap’ > VKLNG, VBNDR dan VPP sajap;
- BMP \* sunjaj ‘sungai’ > VKLNG dan VBNDR sunjaj; VPP sənjaj. (Ab Hamid et al., 2017, p. 238).

Jadual 20

*Perbandingan sebaran konsonan separuh vokal BMP  
\*j> [jj] dan DMJ*

Posisi BMP/DMJ	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata
BMP	-	[*-j-]	[*-j]
VKLNG	-	[j-]	[j-]
VBNDR	-	[j-]	[j-]
VPP	-	[j-]	[j-]

### Perbincangan Perbandingan Konsonan dan Separuh Vokal BMP Dengan DMJ

Untuk mencapai objektif kajian, perbandingan antara BMP dengan varian DMJ telah dipaparkan. Hasil perbandingan yang telah dilaksanakan terhadap konsonan dan separuh vokal dalam Jadual 1 hingga 20 memperlihatkan bahawa terdapat konsonan dan separuh vokal BMP yang diturunkan secara langsung dalam semua DMJ. Untuk konsonan BMP \*p, \*t, \*s, \*m, dan \*l memperlihatkan penurunan secara langsung di semua posisi kata dalam semua varian dan fenomena ini dan situasi ini turut berlaku dalam dialek Melayu Tioman-Aur-Pemanggil (DMTAP; Ab Hamid et al., 2017). Retensi turut berlaku bagi konsonan BMP \*k di posisi awal dan tengah kata, \*b di awal kata, \*d di tengah kata, \*g dan \*f di awal dan tengah kata sama dengan situasi DMTAP (Ab Hamid et al., 2017) \*h di tengah dan akhir kata sama dengan situasi DMTAP (Ab Hamid et al., 2017), \*n di tengah kata, \*ŋ, \*w dan \*j di tengah dan akhir kata sama dan sama situasi yang berlaku dalam DMTAP (Ab Hamid et al., 2017). Turunan langsung ini secara tidak langsung memperlihatkan DMJ dan DMTAP adalah daripada rumpun yang sama dengan

BMP dan memperlihatkan keterikatan antara kedua-dua dialek ini dengan induknya.

Oleh itu, keputusan perbandingan ini menunjukkan bahawa terdapat inovasi dan retensi BMP yang diturunkan dalam varian DMJ yang secara tidak langsung mengukuhkan bahawa ilmu linguistik sejarawi dapat mencerakinkan hubungan dan perubahan varian semasa dengan bahasa induknya melalui perbandingan diakronik yang telah dilaksanakan. Sehubungan itu, penemuan bolehlah dikatakan dapat membantu mengukuhkan teori *The Malay of Sundaland* kerana ia jelas menunjukkan bahawa varian DMJ dan DMTAP berasal dari tanah ranah orang Melayu. Selain ciri retensi ini, terdapat data yang memperlihatkan ciri inovasi telah berlaku dalam varian semasa. Perbincangan berkaitan inovasi yang telah berlaku dapat dilihat dalam bahagian analisis inovasi bersama dan perbincangan sebagaimana yang terdapat dalam Jadual 21.

### Analisis Inovasi Bersama dan Perbincangan

Dalam perbincangan sebelum ini, pengkaji telah membandingkan konsonan BMP dengan DMJ untuk menunjukkan bahawa beberapa varian mempunyai fonem yang kekal (retensi), manakala beberapa varian DMJ telah mengalami perubahan (inovasi) daripada bahasa induknya. Oleh itu, bahagian ini akan menunjukkan dan membincangkan inovasi fonologi ataupun perselisihan fonetik yang berlaku dalam setiap DMJ yang menyebabkan keterpisahan DMJ dengan BMP. Jadual 21 menggambarkan 13 ciri inovasi fonologi ataupun perselisihan

Jadual 21

*Inovasi (perubahan) fonologi atau perselisihan fonetis BMP dengan DMJ*

No.	BMP	Posisi Kata	Inovasi Fonologi atau Perselisihan Fonetis BMP dengan DMJ	Jenis Inovasi
1.	*-k	Akhir Kata	BMP*-k > [-?] dalam semua VJRA.	Teratur
2.	*-?	Akhir Kata	BMP *-?> [-ø] dalam semua varian; sesetengah data yang lain kekal [-?].	Sporadik
3.	*-b-	Tengah Kata	BMP *-b- > [w] dalam semua varian; data yang lain kekal [-b-].	Sporadik
4.	*d-	Awal Kata	BMP *d- > [l-] dalam semua varian; data yang lain kekal [d-].	Sporadik
5.	*h-	Awal Kata	BMP *h- > [ø] semua VJRA; data yang lain kekal [h-] dalam semua varian.	Sporadik
6.	*y-	Awal Kata	BMP *y- > [r-] VKLNG dan VBNDR; data yang lain kekal [y-] dan [r-] dalam VPP.	Teratur
7.	*y-	Awal Kata	BMP **y- > [y-] dan [r-] dalam VPP.	Sporadik
8.	*-y-	Tengah Kata	BMP *-y- > [-r-] dan [-y-], dalam VKLNG	Sporadik
9.	*-y-	Tengah Kata	BMP *-y- > [-r-], dalam VBNDR	Teratur
10.	*-y	Akhir Kata	BMP *-y > [-r] dan [-ø] VKLNG dan VBNDR; VPP [-r], [-w] dan [-ø].	Sporadik
11.	*-y	Akhir Kata	BMP *-y > [-r], [-w] dan [-ø] VPP; VKLNG dan VBNDR [-r] dan [-ø].	Sporadik
12.	*n-	Awal Kata	BMP *n- > [t-] VKLNG dan VBNDR; data yang lain kekal [t-] dalam semua varian.	Sporadik
13.	*-n	Akhir Kata	BMP *-n > [-ŋ] dalam semua varian; lain-lain data kekal [-n] untuk semua varian.	Sporadik

fonetik yang dapat dikenal pasti melalui analisis dapatan perbandingan BMP dengan DMJ sebelum ini.

Setiap varian DMJ mengekalkan konsonan plosif \*k dalam BMP pada posisi awal dan tengah kata secara teratur. Walau bagaimanapun, contoh daripada data nombor 1 dalam Jadual 21 menunjukkan bahawa apabila \*-k berubah menjadi [-?], dalam semua varian dan mengalami inovasi secara teratur pada posisi akhir kata. Konsonan plosif BMP \*-k diturunkan secara langsung pada posisi akhir kata dalam DMJ dalam sesetengah kata. Walau bagaimanapun, contoh data nombor 2 menunjukkan bahawa pada posisi akhir kata BMP \*[-?], inovasi sporadik telah berlaku

dalam semua varian apabila \*[-?] berubah menjadi [-ø].

Selanjutnya, setiap varian DMJ menunjukkan turunan secara langsung konsonan plosif BMP \*b pada posisi awal kata. Namun begitu, BMP\*-b- berubah secara sporadik dalam semua varian menjadi [-w-] dalam beberapa data, manakala yang lain kekal [-b-] dalam semua varian, seperti dalam data 3. Dalam semua varian, Jadual 21 pada item nombor 4 \*d dalam BMP berubah menjadi [l-] pada posisi awal kata dalam perkataan tertentu, dan dalam beberapa data ia kekal [d-]. \*h dalam BMP diturunkan secara teratur pada posisi tengah dan akhir kata dalam semua varian, seperti yang ditunjukkan oleh item nombor 5.

Walau bagaimanapun, pada posisi awal kata perubahan secara sporadik telah berlaku dalam sesetengah data dalam semua varian apabila \*h- dalam BMP menjadi [ø-] pada posisi ini dan data yang lain kekal sebagai [h-].

Dalam data 6 sehingga 11 memperlihatkan pada posisi awal kata, BMP \*y- telah mengalami inovasi secara teratur berubah menjadi [r-] untuk VKLNG dan VBNDR, menjadi inovasi secara sporadik dalam VPP menjadi [r-] ataupun [γ-]. Pada posisi tengah kata pula, BMP \*-y- diturunkan secara langsung dalam varian VKLNG dan VPP. Namun, diposisi tengah kata ini, inovasi secara sporadik dalam sebahagian data turut berlaku menjadi [-r-] dan [-γ-], dalam VKLNG dan inovasi secara teratur menjadi [-r-] dalam VBNDR. Pada posisi akhir kata pula, BMP \*-y diturunkan secara langsung dalam semua varian, namun mengalami inovasi secara sporadik dalam VKLNG dan VBNDR ini menjadi [-r] ataupun [-ø] dalam sesetengah kata. Seterusnya bagi VKLNG pula, pada posisi akhir kata inovasi secara sporadik berlaku apabila BMP \*-y menjadi [-r], [-w] atau [-ø].

Jadual 21 memperlihatkan BMP \*n menurun secara teratur dalam semua varian pada posisi awal, tengah dan akhir kata. Namun begitu, pada data 12 dan 13 dalam sesetengah data BMP \*n mengalami inovasi secara sporadik dalam VKLNG dan VBNDR pada posisi awal menjadi [-t] dan [ŋ-] pada posisi akhir kata dalam semua varian, sedangkan data yang lain kekal [n-].

Hasil analisis perselisihan fonetis ini menunjukkan bahawa terdapat satu

inovasi secara teratur berlaku dalam semua varian, seperti yang ditunjukkan pada item nombor 1. Inovasi secara teratur yang telah berlaku memperlihatkan kesemua varian ini mengalami perubahan daripada bentuk purbanya. Keteraturan inovasi dalam VBNDR dalam data 6 dan 9 memperlihatkan keterpisahan yang agak jauh daripada BMP berbanding VKLNG dan VPP.

Keterpisahan ini juga dikaitkan dengan faktor VBNDR adalah VBNDR, sebuah kampung tradisional Melayu, berfungsi sebagai pusat pemerintahan kedua di Selangor selepas Kuala Selangor. Pada tahun 1898, Sultan Selangor ke-5, Almarhum Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Ala'eddin Sulaiman Shah ibni Almarhum Raja Muda Musa, membuka Kampung Bandar. Kampung ini dikenali sebagai Bandar Temasya oleh penduduk setempat kerana ia sesuai dengan pusat kerajaan dan pentadbiran Selangor. Memandangkan VBNDR pernah menjadi pusat pemerintahan, sudah tentulah kawasan ini dikunjungi oleh pelbagai kaum, etnik dan bahasa dari luar.

Sekiranya dilihat dalam semua inovasi daripada item 1 sehingga 13, didapati hubungan VPP agak rapat dengan BMP kerana kekerapan dan inovasi daripada bentuk purba kelihatan sedikit berbanding dengan VBNDR dan VKLNG. Sekiranya dilihat pada data 6 posisi awal kata, inovasi secara teratur telah berlaku ketika BMP \*y- berubah menjadi [r-] dalam VKLNG dan VBNDR dan data yang lain kekal [γ-] dan [r-] dalam VPP. Data ini mengukuhkan bahawa Kampung Permatang Pasir ialah

salah satu kampung yang asal dan yang paling penting di Jugra bagi melambangkan penutur natif dialek Melayu Jugra. Kampung ini didiami oleh kira-kira seribu lebih orang. Sebahagian penduduk di kampung ini berketurunan Jawa. Tambahan pula, terdapat sebuah muzium di Kampung Permatang Pasir yang menyimpan maklumat sejarah lebih daripada seratus tahun tentang Kesultanan Melayu Selangor lama di Jugra.

## KESIMPULAN

Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan, jelas menunjukkan bahawa varian DMJ merupakan salah satu bahasa yang mempunyai ciri-ciri yang tersendiri dalam tiga kawasan ini melalui proses fonetik dan fonologi. Sehubungan itu, kepelbagaiannya DMJ dalam BMP sendiri yang mendorong pengkaji untuk melakukan perbandingan tahap rendah (*lower level reconstruction*). Hubungan perbandingan BMP dengan DMJ yang dilaksanakan ini sedikit sebanyak telah merungkaikan beberapa persoalan yang belum terjawab dalam menentukan asal usul DMJ dan secara tidak langsung dapat merungkaikan tanggapan baharu yang dapat dikesan dalam hal inventori fonem BMP dan perbandingan antara varian DMJ dengan BMP. Penemuan retensi yang terdapat dalam DMJ daripada bahasa induknya BMP memperlihatkan adanya turunan langsung daripada bahasa induknya dan ini membuktikan keterikatan kekerabatan kedua-duanya di bawah satu induk yang sama iaitu rumpun Austronesia.

Seperti yang diketahui umum, pengkajian tentang dialek ini adalah salah

satu kajian yang semakin diminati. Justeru, akibat daripada minat yang mendalam untuk mencungkil perbandingan ini, pengkaji telah mengimplementasikan kajian ini dengan menggunakan kaedah tradisional dalam ilmu perbandingan. Oleh itu, bolehlah dianggap kajian ini merupakan satu kajian ‘rintis’ terhadap kajian DMJ dengan BMP yang dikaji menggunakan kaedah tradisional ini. Rintis yang dimaksudkan di sini bermakna sehingga kini masih belum ada kajian yang berusaha untuk merekonstruksi dan mengelaskan daripada sudut perbandingan BMP dengan varian DMJ dengan menggunakan kaedah tradisional. Bagi pengkaji, penerapan pendekatan ini ialah salah satu cubaan pengkaji untuk memperinci dan memantapkan lagi kajian dalam dialek ini di samping dapat merungkaikan hubungan jauh-dekatnya antara varian DMJ yang dikaji dengan BMP. Dengan ini, melalui laluan pertama yang dibuka dan disingkapkan oleh pengkaji dalam kajian ini dengan melakukan perbandingan dalam BMP dengan menggunakan kaedah tradisional ini, pengkaji menyarankan pula kajian akan datang untuk membandingkan BMP dengan dialek yang lain dengan menggunakan pendekatan yang sama.

Selain itu, pengkaji turut menyarankan supaya pengkaji akan datang dapat membuat perbandingan dari segi morfologi, sintaksis, dan semantik terhadap semua DMJ yang ada secara terperinci supaya jelas menampakkan persamaan dan perbezaan yang wujud antara kawasan terutamanya dalam mengukuhkan lagi hujah yang menyokong bahawa DMJ adalah daripada kelompok BMP. Klasifikasi

dari sudut ilmu perbandingan juga harus diteruskan. Dengan memperbanyakkan kajian terhadap DMJ dan BMP, akan dapat memperlihatkan dengan jelas apakah sebenarnya yang terkandung dalam bahasa Melayu dan secara tidak langsung dapat membangun dan mengukuhkan lagi teori *The Malay of Sundaland*. Oleh itu, dengan memperbanyak dan mempelbagaikan kajian dari pelbagai sudut kajian tentang dialek ini, akan dapat mengangkat dan menambahkan lagi khazanah dialek di samping dapat menambahkan kosa kata dalam bahasa Melayu itu sendiri. Oleh itu, pengkaji berharap pengkaji akan datang dapat mengkaji aspek linguistik lain dalam kajian mereka terhadap dialek lain supaya dapat mengungkapkan identiti sebenar penutur BMP.

## PENGHARGAAN

Terima kasih daun keladi kepada pemberi dana berjumlah RM25,230.00 di bawah Geran Penyelidikan dan Pembangunan Sains, Teknologi dan Inovasi (GPPSTI), Kerajaan Negeri Selangor, Kod Projek UIS/GPPSTI/2017/002 bagi menjalankan kajian ini.

## RUJUKAN

- Ab Hamid, N. (2014). *Rekonstruksi dan pengelasan bahasa Melanau Purba* [Tesis doktor falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia]. UKM Learning and Research Repository. <https://ptsldigital.ukm.my/jspui/handle/123456789/497544>
- Ab Hamid, N. (2018). Kajian awal dialek Melayu Jugra Varian Bandar. *Journal of Humanities & Social Sciences*, 5(2), 194-206.
- Ab Hamid, N. (2019a). Inventori fonem dialek Melayu Jugra di Permatang Pasir. *Jurnal Melayu*, 18(1), 29-42.
- Ab Hamid, N. (2019b). Kajian fonetik varian Kelanang: Dialek Melayu Jugra Selangor. *e-Bangi- Journal of Social Science and Humanities. Special Issues: Islamic Studies in Malaysia*, 16(2), 1-13.
- Ab Hamid, N. (2020). Komunikasi lisan dialek Melayu Jugra. *Jurnal Melayu*, (Isu Khas Disember), 517-529.
- Ab Hamid, N., & Aman, R. (2016). Varian Melanau Sarawak: Tinjauan di Melanau Mukah. *Jurnal Melayu*, 15(1), 99-112.
- Ab Hamid, N., Aman, R., & Hamid, S. A. (2018). Melanau language ancient consonant phoneme. *Dialectologia Revista Electronica*, 20, 21-42.
- Ab Hamid, N., Aman, R., & Hamid, S. A. (2017). Varian dialek Melayu Tioman-Aur-Pemanggil: Analisis linguistik bandingan. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 17(2), 219-244. <https://doi.org/10.17576/gema-2017-1702-13>
- Ab Hamid, N., Hamid, S. A., Aman, R., Ramli, N., Zakaria, Z., & Iswary, E. (2022). Malay dialect variants in Langkawi: A diachronic perspective analysis. *Journal of Nusantara Studies*, 7(1), 142-167.
- Adelaar, K. A. (1985). *Proto-Malayic: The reconstruction of its phonology and parts of its lexicon and morphology* [Disertasi iijazah doktor falsafah yang tidak diterbitkan, University of Leiden].
- Aman, R. (1997). *Perbandangan fonologi dan morfologi bahasa Iban* [Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia]. UKM Learning and Research Repository. <https://ptsldigital.ukm.my/jspui/handle/123456789/460540>
- Aman, R. (2008). *Linguistik bandingan bahasa Bidayuhik*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Aman, R., Ab. Hamid, N., & Hamid, S. A. (2015). Rekonstruksi vokal dan diftong bahasa Melanau Purba. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 15(1), 189-206.
- Bakar, M. S. A. (1991). *Metodologi penyelidikan untuk ekonomi dan bidang-bidang berkaitan*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bellwood, P. (1985). A hypothesis for Austronesian origins. *Asian Perspectives*, 26(1), 107-117.
- Campbell, L. (2001). The history of linguistics. Dlm. M. Aronoff dan J. Rees-Miller (Pnyt.), *The handbook of linguistics* (pp. 81-104). Blackwell Publisher.
- Campbell, L. (2004). *Historical linguistic: An introduction*. The MIT Press.
- Chelaeh, M., Aman, R., Hamid, S. A., Othaman, N. N., Ruslan, S., Bakar, N. A., Salam, R. A., Fadzil, F. H. M., & Sinur, D. (2017). Penerokaan maklumat linguistik dalam dialek Melayu Jugra: Penelitian fonologi struktural. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 14(3), Artikel 25.
- Collins, J. T. (1986). *Penyusunan salasilah bahasa Melayu di Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, J. T. (1989). *Antologi kajian dialek Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J. T. (1996). *Khazanah dialek Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, J. T. (1997). Ilmu linguistik: Perbandingan teori dan kenyataan. *Jurnal Dewan Bahasa*, 12(19), 1080-1087.
- Crowley, T. (1992). *An introduction to historical linguistics*. Oxford University Press.
- Dyen, I. (1965). *A lexicostatistical classification of the Austronesian languages*. Waverly Press.
- Fox, A. (1995). *Linguistics reconstruction: An introduction to theory and method*. Oxford University Press.
- Hamid, S. A., Aman, R., & Hamid, Z. (2012). Kajian akustik realisasi kontras penyuaraan bunyi plosif bahasa Melayu. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 12(2), 745-760.
- Hasrah, M. T., Aman, R., & Hamid, S. A. (2010). Variasi dialek Pahang: Keterpisahan berdasarkan jaringan sungai. *Jurnal Melayu*, 5, 315-332.
- Hudson, A. B. (1970). A note on Selako: Malayic Dayak and Land Dayak languages in Western Borneo. *The Sarawak Museum Journal*, XVIII(36-37), 301-318.
- Jones, W. (1990). *The life and mind of oriental Jones: Sir William Jones, the father of modern linguistics*. Cambridge University Press.
- Kaharuddin & Aman, R. 2011). Hukum bunyi dalam bahasa Indonesia dan bahasa Makassar. *Jurnal Melayu*, (7), 287-302.
- Kern, H. (1889). Taalkundige gegevens ter bepaling van het stamland der Maleis-Gh-Polynesische volkeren [Linguistic data to determine the ancestral land of the Malay-Gh-Polynesian peoples]. In *Verspreide Geschriften* (Vol. 7, pp. 105-120). Nijhoff.
- Mahsun. (1995). *Dialektologi diakronis sebuah pengantar*. Gadjah Mada Universitas Press.
- Omar, A. H. (1991). *Kepelbagaiannya fonologi fialek-dialek Melayu* (Ed. ke-2). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Omar, A. H. (1993). *Susur galur Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ringe, D., & Eska, J. (2013). *Historical linguistics toward a twenty-first century reintegration*. Cambridge University Press.